

## **SYARAT-SYARAT**

Pihak Kontraktor yang dipilih untuk ditawarkan kontrak pencucian dan pembersihan ini akan dikenakan syarat-syarat berikut :-

1. Menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum memulakan kerja-kerja kontrak pencucian bangunan dan pembersihan kawasan tersebut dan bersetuju mematuhi segala syarat-syarat atau peraturan yang termaktub di dalamnya.
2. Membayar Wang Cagaran Keselamatan (*Security Deposit*) kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebanyak 2.5% daripada jumlah semua nilai kontrak berkenaan.
3. Mengambil Polisi Insuran Perlindungan Kemalangan yang diluluskan kepada semua pekerja-pekerja (*Workmen's Compensation*) bagi melepaskan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dirinya daripada apa-apa tuntutan ataupun perbelanjaan yang ditimbulkan bersabit dengan apa-apa perkara atau kemalangan yang berlaku terhadap mana-mana pekerjanya.

## **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

### **2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

### **4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### **5. PERSETUJUAN**

- i) Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

### **6. PEMERIKSAAN**

- i) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

## **7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## **8. PENOLAKAN**

- i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## **9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

## **10. TAFSIRAN**

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan juar pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**SPESIFIKASI DAN TANGGUNGJAWAB  
KERJA-KERJA MENCUCI BANGUNAN DAN MEMBERSIH  
KAWASAN PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR**

- A. Untuk membekal tenaga pekerja, bahan-bahan (kecuali air dan tenaga elektrik) dan lain-lain kelengkapan seperti yang dikehendaki ataupun diluluskan termasuk penyeliaan yang sewajarnya untuk menentukan tahap kebersihan dan pencucian yang sempurna terhadap "Bangunan dan Kawasan Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh, Balik Pulau".

Menyediakan jumlah pekerja yang mencukupi pada setiap hari bekerja bagi memastikan kerja-kerja pencucian dan pembersihan dijalankan dengan sempurna :-

- (a) Pekerja hendaklah berada sepanjang waktu bekerja yang ditetapkan di Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh, Balik Pulau untuk membersihkan bangunan dan kawasan tersebut.
- (b) Pekerja hendaklah sentiasa menyelenggarakan kebersihan bilik-bilik tandas, dewan seminar, ruang pejabat, bilik tayangan, bilik stor, perpustakaan, bilik pegawai, rumah tamu, surau, ruang pejalan kaki, stor, kawasan kajian, rumah pam, kawasan parkir, longkang/saliran air, tapak kajian, kubah cerapan, ruang kawalan elektrik, dataran cerapan dan kawasan yang ditentukan oleh jabatan.
- (c) Pekerja hendaklah sentiasa bersedia untuk bekerja lebih masa bagi melaksana kerja-kerja pencucian dan pembersihan terutama setiap kali selepas sesuatu majlis atau program diadakan supaya bangunan ini sentiasa di dalam keadaan bersih.

## B. SPESIFIKASI KERJA

### i) KESELURUHAN BANGUNAN (DALAM)

Harian

- a) Menyapu dan membuang sampah sarap.
- b) Membekal plastik sampah.
- c) Menyapu dan *vakum* karpet-karpet di dalam bangunan Pusat Falak Sheikh Tahir.
- d) Mengelap serta membersih sofa, meja dan kerusi-kerusi.

Mingguan

- a) Mop keseluruhan lantai, dataran cerapan, kubah cerapan dan laluan tangga.
- b) Mencuci dan menyembur pewangi pada telefon di pejabat.
- d) mengelap dan mencuci jam dinding, lampu dan perhiasan.
- e) Membersih bingkai-bingkai gambar dan papan-papan tanda.
- f) Mencuci dan sarang labah sawang (cobweb) habuk –labah

Bulanan

- a) Jika ada kerosakan atau kotoran degil pada lantai hendaklah dikikis (*strip*) serta ditampal dengan bahan kimia (*sealer*) dan disapu tiga lapis kimia penggilap (*polish*) supaya kekotoran yang terdapat di atas lantai dapat dihilangkan.
- c) Lantai hendaklah di “*Varnish*” menggunakan “*High Speed Voomising Machine*” dan “*Buffing Pad*” untuk mensebatikan kimia yang telah disapu.
- d) Membekal pewangi automatic, pembasmi kuman, alas kaki dan tisu untuk bilik pegawai, pejabat, rumah tetamu, dewan seminar, galeri pameran, bilik tayangan dan pondok pengawal.
- e) Memastikan cecair basuh tangan, sabun, ubat gegat, pewangi automatik dan tisu disediakan di rumah tamu dan almari pantri.
- f) Mencuci semua kipas angin dan alat pendingin hawa.
- g) Mencuci lantai, longkang dan membuang sampah/pokok di dinding, dataran cerapan dan kubah cerapan.

## ii) TANDAS LELAKI DAN WANITA

- Harian
- a) Mencuci, memberus dan mengilat permukaan lantai, dinding, mangkuk tandas dan singki dengan bahan pencuci supaya sentiasa berkeadaan bersih dan kering.
  - b) Membekal pewangi automatik, sabun cecair, tisu tandas dan ubat gegat di tandas bangunan Pusat Falak Sheikh Tahir.
- Mingguan
- a) Mencuci sawang (*cobweb*) habuk dan sarang labah-labah
  - b) Membersih dan mengilap dinding-dinding *tiles* dan cermin-cermin *louvres*.

## iii) KAWASAN LUAR BANGUNAN

- Harian
- a) Menyapu dan membuang sampah sarap serta mencuci longkang dan saluran air.
  - b) Menyiram dan menyelenggara pokok bunga dan landskap hiasan.
- Bulanan
- a) Memotong rumput atau meracun rumput
  - b) Mencantas dahan pokok luar, pokok bunga dan landskap hiasan.

## C. LAIN-LAIN ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR

- a) Kontraktor dikehendaki menyediakan satu (1) pekerja tetap (keutamaan lelaki) bagi menjalankan kerja-kerja perkhidmatan pembersihan dan pencucian keseluruhan kawasan Pusat Falak Sheikh Tahir.
- b) Kontraktor dikehendaki menyediakan sekurang-kurangnya satu (1) orang pekerja untuk bekerja lebih masa sekiranya diperlukan pada bila-bila masa dan kerajaan Negeri tidak terikat untuk membayar kerja-kerja tambahan tersebut.
- c) Kontraktor hendaklah membekalkan maklumat diri pekerja dan penyelia kepada pihak jabatan.
- d)
  - i - Waktu Bekerja Biasa  
Isnin - Jumaat : 8.00 pagi - 5.00 petang, sembilan (9) jam.
  - ii - Waktu Bekerja Lebih Masa  
Tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh jabatan.
- e) Pekerja seboleh-bolehnya terdiri daripada warganegara Malaysia. Walaubagaimanapun, pekerja warganegara asing juga boleh diterima dengan syarat peraturan Imigresen dan lain-lain undang-undang atau peraturan dipatuhi.

- f) Pekerja mestilah bebas daripada sebarang rekod jenayah.
  - g) Pekerja hendaklah memakai pakaian seragam syarikat, kemas dan sempurna bersesuaian dengan tugas-tugasnya.
  - h) Pekerja adalah terikat dengan disiplin kerja yang ditetapkan dengan kontraktor. Pentadbiran jabatan akan memantau setiap masa prestasi dari semasa ke semasa.
  - i) Kontaktor hendaklah membuat penyeliaan kerja setiap dua minggu dan memberikan maklumat penyelia pekerja berkenaan kepada pihak jabatan.
  - j) Kontraktor dikehendaki membayar gantirugi atau mengantikan alat-alat/harta benda milik Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang sekiranya dirosakan/ pecah hilang di atas kecuaian atau disebabkan oleh pekerja pihak kontraktor dalam tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya dalam bentuk barang yang sama. Kegagalan membuat penggantian akan menyebabkan potongan bayaran bulanan dibuat berdasarkan harga asal barang berkenaan. Dalam keadaan ini tiada bantahan atau rayuan akan dilayan.
- i) Kontraktor hendaklah :-
- i - Menerangkan semua tugas-tugas yang akan dilaksanakan oleh pekerja.
  - ii - Menyediakan jadual tugas kepada pihak pekerja dan jabatan (harian, mingguan bulanan).
  - iii - Membekal dan menyenaraikan alatan-alatan yang disediakan pihak kontraktor kepada pihak jabatan.
  - iv - Memberikan laporan dan borang kepuasan perkhidmatan kepada pihak jabatan untuk dilengkapkan dan disahkan.